

**Isu "makan di bilik persalinan" perlu dibawa ke Kabinet, kata DAP
Malaysian Insider
Aug 9 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM**

Ahli Parlimen Ipoh Barat M Kula Segaran (gambar) menggesa isu SK Seri Pristana dibawa ke mesyuarat Kabinet akan datang agar tindakan yang wajar ke atas guru besar di sekolah itu dapat dilaksanakan segera bagi menyelesaikan kemelut isu tersebut.

Katanya tindakan Menteri Pendidikan yang sehingga sekarang masih berdiam diri, tiada tindakan dilakukan walaupun mengetahui anak kepada pendedah maklumat Guneswari Kelly dibuli amat mengecewakan.

"Tiga hari lalu saya ada bertanya kepada dia adakah dia tidak mempunyai kuasa atau tidak berhati perut dia tidak membalas.

"Jadi adakah ini mesej yang cuba disampaikan iaitu memberitahu kepada pengetua, guru dan pelajar sekolah di negara ini yang membenarkan buli dan pemuluan, "katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Naib Pengerusi DAP ini rakyat negara ini tidak boleh berdiam diri melihat ketidakadilan yang terpaksa dihadapi oleh Guneswari dan anaknya sehingga hukuman setimpal dilaksanakan.

"Kita amat terkejut Menteri Pendidikan boleh tidak menghiraukan kesengsaraan yang dihadapi anak kepada pendedah maklumat, bagaimanapun saya pasti rakyat negara tidak akan dapat menerima ketidakadilan ini, "katanya lagi.

Beliau membuat kenyataan demikian apabila dua hari lalu The Malaysia Insider melaporkan, pendedah maklumat Guneswari terpaksa menghantar anaknya ke sekolah vernakular di Subang akibat tidak tahan dibuli dan dipulaukan oleh rakan dan gurunya.

"Salah seorang dari gurunya mengganggu anak saya menuduh dia membawa malu kepada sekolah. Dia juga memberitahu anak saya bahawa dia tidak sesuai belajar bersama pelajar disini," kata Guneswari kepada The Malaysia Insider.

Semalam, isu "Makan di Bilik Persalinan" turut mendapat perhatian Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim yang bersetuju guru besar SK Seri Pristana Mohamad Nasir Mohd Nor perlu membuat permohonan maaf.

Kata beliau guru besar itu perlu mengambil contoh tindakan guru besar Sekolah Menengah Alam Megah, Yati Dani, yang secara peribadinya telah membuat permohonan maaf terbuka kepada pelajar selepas membuat kenyataan perkauman semasa perhimpunan sekolah.

"Guru besar hanya perlu meminta maaf dan duduk dengan pelajar tersebut dan makan bersama-sama," katanya semalam.

Bagaimanapun Menteri Besar itu tidak bersetuju dengan tindakan Guneswari yang menghantar anaknya ke sekolah lain kerana ia bukan merupakan penyelesaian terbaik dan hanya akan memanjangkan konflik yang sedia ada. - 9 Ogos, 2013.

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-makan-di-bilik-persalinan-perlu-dibawa-ke-kabinet-kata-kula>